

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my



MORATORIUM PERLOMBONGAN BAUKSIT


Pelombongan tak peduli arahan

BH . 2 / 8 / 2017 , ms . 1 , 20 , 21



Selepas lebih setahun dikuatkuasakan ada pengusaha meneruskan kegiatan di sebalik alasan mengeluarkan stok sedia ada. Tinjauan BH mendapati lori membawa bauksit beroperasi seperti biasa dan menggunakan khidmat tonto bagi lindungi kawasan perlombongan

→ Ms.20/21



Tinjauan bekas kawasan pengumpulan bauksit yang sudah dibersihkan di sekitar Pelabuhan Kuantan.

Pelombongan bauksit ‘langgar’ moratorium

➡ Arah
henti kegiatan
sejak 2016
tak diendah

Oleh Biro BH Pahang
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Pelaksanaan moratorium terhadap perlombongan bauksit di negeri ini sejak 15 Januari 2016, dipercaya gagal menghentikan aktiviti itu yang kini disyaki berjalan secara haram.

Selepas lebih setahun moratorium perlombongan bauksit dikuatkuasakan, ada pengusaha lombong dipercaya meneruskan aktiviti itu dengan berselindung di sebalik alasan mengeluarkan simpanan bauksit sedia ada.

Berdasarkan maklumat diperoleh daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ketika moratorium dilaksanakan, simpanan bauksit adalah 5.4 juta tan, tetapi sehingga 8 Jun 2017, sejumlah 5.8 juta tan bauksit sudah dieksport melalui Pelabuhan Kuantan dan Kemaman, Terengganu.

Perlombongan yang dipercaya

masih berjalan menyaksikan lori dengan muatan bauksit beroperasi seperti biasa, melalui ladang kelapa sawit sekitar FELDA Bukit Goh, sebelum memasuki Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di antara laluan Jabor menghalau ke susur keluar Plaza Tol Kuantan,

Hasil maklumat awam, tinjauan BH selama seminggu, mendapati aktiviti lori memunggah bahan mineral berkenaan masih berjalan dan menggunakan khidmat sekumpulan tonto bagi melindungi kawasan perlombongan.

Seorang peniaga di kawasan Pasir Kemudi, Jalan Sungai Lembing-Kuantan yang enggan dikenali, mendakwa aktiviti memunggah bauksit tidak pernah berhenti, walaupun sejak kerajaan menguatkuasakan moratorium.

“Mana ada (berhenti), boleh dikatakan setiap hari ada lori yang keluar masuk membawa bauksit, cuma kini semua lori diberisihkan sebelum memasuki jalan raya. Saya tidak tahu lori itu bawa bauksit dari mana atau ke mana, saya tidak pernah tanya



Jangan sampai rakyat cakap moratorium cuma drama, lebih banyak kerosakan alam sekitar berlaku sekiranya aktiviti ini dibiarkan berterusan”

Shariffa Sabrina Syed Akil,
Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia

walaupun mereka selalu singah di sini (kedai miliknya).

“Susah nak masuk ke sana (lombong bauksit), ada orang kawal, kena ada pikap (pacuan empat roda) sebab ia masuk ke dalam. Saya tidak mahu ambil tahu sangat, lagi pun saya berniaga di sini, nanti (perniagaan) saya juga yang susah,” katanya.

Kawasan dikawal tonto

Usaha wartawan dan jurugambar BH meninjau lokasi lombong dan pusat simpanan sementara, termasuk melalui jalan pintas yang ditunjukkan penduduk kampung berhampiran, gagal kerana sering diekori sekumpulan lelaki.

Mereka menggunakan kenderaan pacuan empat roda menghalau dan mengugut selain merakamkan gambar wartawan dan jurugambar BH sebelum memaksa supaya beredar dari lokasi dengan segera.

Difahamkan, hanya individu tertentu dibenarkan melepassi kawasan yang dikawal tonto, selain perlu menggunakan pacuan empat roda untuk sampai ke lombong dan

Tiada perlombongan baharu: SUK Pahang



Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar





Perkara ini (perlombongan bauksit secara haram) memang antara perkara yang kami bimbang apabila kita melaksanakan moratorium”



Muhammad Safian Ismail,
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang



Beberapa jentera berat di kawasan tertentu sudah disita selepas pengusaha masih berdegil lakukan aktiviti melombong tanpa kebenaran”



tempat simpanan bauksit.

Berbeza dengan kawasan Bukit Goh, tinjauan terhadap lombong bauksit berhampiran penempatan penduduk Sungai Karang Darat dekat Beserah, di sini, mendapat ia sudah tidak beroperasi sepenuhnya sejak insiden tiga kanak-kanak maut di kolam takungan di situ pada Februari lalu.

Seorang penduduk di kawasan perumahan berdekatan, berkata semua jentera yang pernah beroperasi melombong bauksit di situ, sudah dibawa keluar selepas kejadian malang menimpa tiga kanak-kanak terbabit.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, mengakui pihaknya mendapat maklumat daripada orang ramai, masih ada lombong yang aktif melakukan aktiviti itu, selepas lebih setahun kerajaan memperkenalkan moratorium.

Beliau mendakwa, kegiatan

memunggah bauksit yang masih berterusan di Pahang, berpunca daripada pelaksanaan moratorium secara terpilih sejak diperkenalkan 15 Januari tahun lalu.

“Susah nak atasi masalah ini, jika ada pihak tertentu terus melakukan kegiatan melombong atau mengangkut bauksit, sepatutnya apabila kerajaan perkenalkan moratorium, semua aktiviti berkaitan dihentikan.

“Ini tidak, ada pihak masih dibenarkan meneruskan aktiviti itu, ada yang dilarang. Kenapa ini boleh berlaku? Kalau nak laksanakan (moratorium), biarlah semua pihak patuh, barulah boleh selesaikan isu ini dengan lebih berkesan,” katanya.

Shariffa Sabrina berkata, kerajaan menerusi agensi berkaitan perlu mengambil tindakan tegas bagi meningkatkan keyakinan rakyat serta menunjukkan kesungguhan mengatasi sepenuhnya masalah itu.

Kuantan: Perlombongan bauksit secara haram adalah kegiatan yang dibimbangi berlaku oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sejak pelaksanaan moratorium dikuatkuasakan.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata berikutan itu, Badan Pemantauan Khas Moratorium ditubuhkan bagi melakukan pemantauan terhadap isu terbabit.

“Perkara ini (perlombongan bauksit secara haram) memang antara perkara yang kami bimbang akan berlaku apabila kita melaksanakan moratorium.

“Sebab itu kita tubuhkan Badan Pemantauan Khas ini yang diketuai Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad. Beliau sedang berada di luar negara, saya akan dapatkan maklumat lanjut apabila beliau kembali minggu hadapan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Justeru, Wan Junaidi enggan mengulas berhubung rekod kementerian itu bahawa stok simpanan bauksit di luar Pelabuhan Kuantan pada peringkat awal pelaksanaan moratorium pada 27 November 2015 adalah 5.4 juta tan tetapi sehingga 8 Jun 2017, sebanyak 5.8 juta tan mineral itu sudah dieksport.

Pantau pergerakan lori

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, mendakwa penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian sentiasa memantau pergerakan lori yang memunggah bauksit bagi memastikan mereka tidak melanggar peraturan ditetapkan kerajaan.

“Jika ada (bukti) masih wujud

aktiviti melombong secara haram, kerajaan negeri tidak akan berdiam diri. Kita akan ambil tindakan terhadap pengusaha (lombong bauksit) yang ingkar dengan arahan (moratorium) yang diputuskan Kerajaan Pusat.

“Kita tahu ada di antara mereka (pengusaha lombong bauksit) yang mempunyai simpanan yang banyak, kita beri masa kepada mereka untuk membersihkan (mengangkat keluar) stok itu,” katanya kepada BH.

Muhammad Safian mendakwa, pergerakan lori mengangkat bahan mineral itu yang masih berjalan seperti biasa adalah proses memberihkan stok simpanan yang belum selesai sepenuhnya.

“Tiada perlombongan baharu, yang ada hanyalah proses membersihkan stok simpanan pada tapak lombong sebelum ini. Masih ada (stok simpanan bauksit) yang belum dipunggah ke Pelabuhan Kuantan dan usaha membersihkannya mengambil masa,” katanya.

Bagaimanapun, beliau mengesahkan beberapa jentera berat di kawasan tertentu sudah disita selepas mendapati pengusaha masih berdegil dan melakukan aktiviti melombong tanpa kebenaran.

“Kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dan mendapatkan maklumat daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan agensi lain, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi terus memantau perkembangan ini.

“Kita tidak mahu ada pihak mengambil kesempatan dan melanggar arahan moratorium hingga menjadikan alam sekitar di kawasan terbabit,” katanya.

